



UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

Kewajipan, Maruah, Integriti

DASAR

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Centre for Research and Innovation Management

Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Kecemerlangan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Kem Sungai Besi

57000 Kuala Lumpur Malaysia

① : 03-90513400 samb. 3085-3099-2126-1054-1055-4620-3594

✉ : 03-90513084

E-mel : pppi@upnm.edu.my

Laman Web : www.upnm.edu.my

KANDUNGAN

A. DASAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI

1.0	LATAR BELAKANG	4
2.0	SKOP	5
3.0	OBJEKTIF	5
4.0	DOKUMEN BERKAITAN	5
5.0	TAKRIFAN	5
6.0	PERKARA UMUM	7
7.0	PERANAN PPPI	8
8.0	PENYATAAN DASAR	10
9.0	PETUNJUK PRESTASI	10
10.0	PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN PENYELIDIKAN	11
11.0	PENGURUSAN KEWANGAN	12
12.0	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	12
13.0	ETIKA PENYELIDIKAN	13
14.0	PEMANTAPAN PENYELIDIKAN	13
15.0	INSENTIF PENYELIDIKAN DAN INOVASI	14
16.0	ASPEK PERUNDINGAN PENYELIDIKAN	14
17.0	PENYELIDIKAN KONTRAK	15
18.0	BIDANG TUJAHAN	15
19.0	PENYELIDIKAN ANTARABANGA	15
20.0	PENYELIDIKAN KOLABORASI	16
21.0	PELANGGARAN DASAR	16
22.0	KUASA UPNM	16

DASAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI

DASAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Sejarah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bermula dengan penubuhan Akademi Tentera Malaysia (ATMA) pada 1 Jun 1995 sebagai organisasi yang bertanggungjawab menjalankan program pengajian di peringkat Sarjana Muda dan latihan ketenteraan kepada Pegawai Kadet Angkatan Tentera Malaysia (ATMA). Peranan ATMA kemudian diperluaskan dengan menjadikannya sebagai UPNM yang diwartakan pada 10 November 2006.
- 1.2 Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi pada asalnya ditubuhkan pada bulan Mei 2008 dengan nama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Siswazah (PPPS). PPPS pada masa tersebut bertanggungjawab mengurus semua aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh staf akademik Universiti dan juga berperanan menguruskan permohonan pengajian peringkat siswazah iaitu Sarjana dan Doktor Falsafah.
- 1.3 Melalui penstruktur semula pejabat PPPS, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi telah ditubuhkan secara rasminya setelah Mesyuarat Pengurusan Universiti meluluskan penstruktur semula pada 23 Jun 2010. Langkah ini adalah selari dengan perkembangan aktiviti penyelidikan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- 1.4 Dasar Penyelidikan dan Inovasi ini merupakan satu dokumen yang disediakan sebagai panduan staf akademik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia merancang dan melaksanakan penyelidikan dengan baik dan cekap.
- 1.5 Dasar Penyelidikan dan Inovasi yang digubal hanya sah diguna pakai dalam konteks Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Sebarang perubahan yang dibuat kepada Dasar Penyelidikan dan Inovasi adalah tertakluk kepada persetujuan pihak pengurusan tertinggi UPNM.

2.0 SKOP

Ia merangkumi semua kaedah pengurusan penyelidikan, hasil penyelidikan aktiviti kesarjanaan, aktiviti usahasama (kolaborasi), perundingan serta aktiviti prakomersialan.

3.0 OBJEKTIF

Dasar ini bertujuan mewujudkan budaya penyelidikan cemerlang dalam kalangan warga UPNM yang dapat menerokai penemuan ilmu dan menjana kekayaan bagi pembangunan Negara dan kesejahteraan sejagat.

4.0 DOKUMEN BERKAITAN

Dokumen yang dirujuk bersama adalah seperti berikut:

- 4.1 Akta Universiti & Kolej Universiti 1971.
- 4.2 Occupational Safety and Health Act 1994 (OSHA).
- 4.3 Perlembagaan UPNM.
- 4.4 Arahan Kerja / Garis Panduan Berkaitan di UPNM.
- 4.5 Dasar Harta Intelek Negara.
- 4.6 Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti.
- 4.7 Pekeliling Perbendaharaan.

4.8 Dokumen-Dokumen Lain Yang Berkaitan.

5.0 TAKRIFAN

- 5.1 *Penyelidikan* – Penyelidikan merupakan aktiviti penyiasatan atau ujikaji yang bertujuan mendapatkan dan menginterpretasi fakta, mengemukakan teori baru dan menilai semula teori sedia ada berdasarkan pendekatan ilmiah dan saintifik.
- 5.2 *Inovasi* – Penciptaan serta implementasi sama ada berbentuk proses, produk, perkhidmatan atau kaedah penyampaian yang baru, yang berupaya memberi peningkatan yang signifikan terhadap hasil, kecekapan, keberkesanan atau kualiti.
- 5.3 *Staf akademik* – Profesor, Profesor Pelawat, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah dan Felo yang dibayar gaji (bukan Honorarium) oleh IPT (termasuk semua cawangan) yang menjalankan tugas-tugas pengajaran/penyelidikan dan/atau khidmat termasuk guru.
- 5.4 *Penyelidik* – Individu yang menjalankan aktiviti penyelidikan dan bertanggungjawab dalam mengemukakan ilmu/theori baru dan fakta yang berkaitan dengannya.
- 5.5 *Ketua Penyelidik* – Individu yang mengetuai dan menyelia sesebuah projek atau aktiviti penyelidikan.
- 5.6 *Pembantu Penyelidik* – Individu yang dilantik secara rasmi bagi membantu dalam kerja penyelidikan seperti membantu dalam pencarian maklumat penyelidikan, tinjauan *literature*, pengumpulan data, mengurus dan mengemaskini peralatan penyelidikan dan hal-hal yang berkaitan.
- 5.7 *Pembantu Penyelidik Siswazah* – Pembantu Penyelidik yang juga mendaftar sebagai pelajar Pascasiswazah.
- 5.8 *Penyelidikan Bersama* – Individu yang tersenarai dan terlibat sama dalam projek penyelidikan.
- 5.9 *Jurnal Berwasit* – Jurnal yang menerbitkan artikel yang telah dinilai dan dipersetujui untuk diterbitkan oleh penilai yang dilantik oleh Sidang Pengarang Jurnal tersebut.
- 5.10 *Jurnal Berindeks* – Jurnal yang terkemuka dalam pelbagai bidang yang disenaraikan oleh penerbit, pertubuhan atau institusi tertentu serta diiktiraf oleh komuniti penyelidik di seluruh dunia.
- 5.11 *Geran Penyelidikan Dalaman* – Geran yang disediakan oleh pihak Universiti bagi menggalakkan kakitangan akademik menjalankan penyelidikan. Keutamaan untuk pemberian geran ini adalah kepada kakitangan muda dan kakitangan yang tidak mempunyai mana-mana geran penyelidikan daripada pihak luar.
- 5.12 *Geran Penyelidikan Luar* – Geran yang diperolehi dari pihak luar universiti sama ada dalam Negara seperti pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan sebagainya, atau dari sumber dari luar negara.

- 5.13 *Dana Luar* – Dana yang diperolehi daripada badan swasta atau bukan kerajaan, atau industri, samada dari dalam atau luar negara.
- 5.14 *Etika Penyelidikan* – Prinsip atau batas/sempadan yang ditetapkan yang perlu dipatuhi oleh penyelidik dalam menjalankan penyelidikan. Pelanggaran etika penyelidikan boleh berlaku dalam hal-hal yang berkaitan dengan penyalahgunaan sumber penyelidikan seperti sumber kewangan, manusia, haiwan dan sebagainya.
- 5.15 *Jawatankuasa Etika Penyelidikan* – Jawatankuasa Kecil di bawah Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti yang berperanan dalam menggubal segala aspek berkaitan dengan Etika Penyelidikan di UPNM.
- 5.16 *Harta Intelek* – Jenis cipataan dan hasil inovasi yang hak ekslusif diakui dan dilindungi di bawah bidang undang-undang berkaitan.
- 5.17 *Penyelidikan Kontrak* – Semua aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dilaksanakan atas permintaan dan dibayar oleh syarikat, agensi atau organisasi luar. Penyelidikan berkenaan dikaitkan dengan misi atau objektif tertentu dan biasanya dalam bentuk penyerahan sesuatu produk atau laporan. Penyelidikan ini lazimnya dilaksanakan berasaskan kontrak dan mungkin melibatkan kawalan kerahsiaan dan penerbitan.
- 5.18 *Tabung Amanah* - Akaun yang ditubuhkan oleh Universiti atau Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi sesuatu maksud yang dibenarkan. Akaun ini akan berkekalan bagi jangkamasa yang tidak ditetapkan dan hanya akan ditutup atas sebab-sebab yang munasabah seperti akaun tersebut tidak aktif, tujuannya sudah tidak relevan dengan keadaan semasa atau atas arahan Universiti. Baki tabung amanah akan dibawa dari tahun awal penubuhannya sehingga ke tahun-tahun berikutnya.
- 5.19 *Tarikh Mula Projek* - Tarikh penyelidikan dilaksanakan/dijalankan bermula daripada tarikh yang dinyatakan di dalam surat tawaran yang dikeluarkan oleh Pemberi Dana.
- 5.20 *Tarikh Tamat Tempoh Projek* - Tarikh tamat tempoh yang telah ditetapkan oleh Pemberi Dana.
- 5.21 *Tarikh Tamat Tempoh Projek Lanjutan* - Tarikh tamat tempoh lanjutan yang telah dibenarkan oleh PPPI atau Pemberi Dana.
- 5.22 *Penutupan Akaun* - Akaun Kewangan Projek Penyelidikan yang telah ditutup setelah segala urusan kewangan selesai.
- 5.23 *Tarikh Tamat Projek* – Tarikh yang akan ditetapkan dalam masa enam (6) bulan selepas tamat tempoh/tempoh lanjutan projek setelah segala urusan penyelidikan/pembentangan/pelaporan/promosi/daftar harta intelek selesai.

6.0 PERKARA UMUM

- 6.1 UPNM sentiasa beriltizam dan berusaha untuk menjadi sebuah institusi cemerlang dalam bidang penyelidikan dengan menggalakkan semua staf akademik melibatkan diri dalam penyelidikan bagi menyumbang kepada kecemerlangan universiti dengan sokongan dan pantauan dari Pusat

Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) UPNM. Pihak Universiti akan mengambil kira hasil penyelidikan para penyelidik sebagai salah satu kriteria kenaikan pangkat.

- 6.2 Penyelidikan yang dijalankan hendaklah menjurus kepada kesarjanaan yang tinggi yang diukur berdasarkan kepada hasil penyelidikan dan segala aktiviti dalam pelaksanaan penyelidikan dan haruslah sensitif terhadap isu-isu agama, budaya dan etika serta mematuhi aspek keselamatan. Penyelidik UPNM boleh menganggotai mana-mana kumpulan penyelidikan dari institusi luar dengan kebenaran pihak pengurusan universiti sebelum sebarang perjanjian dimeterai.
- 6.3 Penyelidik dan penaja hendaklah menghormati dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dalam perjanjian kedua-dua pihak selagi ia tidak bercanggah dengan kepentingan pihak Universiti dan negara.
- 6.4 Semua harta intelek yang dihasilkan oleh penyelidik adalah milik Universiti dan penyelidik. UPNM bersama penyelidik berhak mendapat pembahagian keuntungan hasil pengkomersialan harta intelek yang dibangunkan melalui persetujuan.
- 6.5 UPNM menyediakan persekitaran yang kondusif untuk melakukan penyelidikan.
- 6.6 UPNM berusaha mencari penyelidik tersohor bagi membantu meningkatkan aktiviti penyelidikan.

7.0 PERANAN PPPI

7.1 Perancangan dan Pengurusan Penyelidikan

- Menyalurkan maklumat berkaitan geran penyelidikan dari pihak pemberi dana kepada penyelidik. Penyebaran maklumat dibuat secara edaran dan dalam talian.
- PPPI mengurus permohonan geran dalaman dan luar universiti. Semua permohonan geran penyelidikan (dalaman dan luar) hendaklah dikemukakan melalui PPPI.
- Menganjurkan sesi kolokium bagi menilai hasil penyelidikan.
- Menganjurkan kursus atau seminar berkaitan aktiviti penyelidikan.
- Membina pangkalan data penyelidikan.
- Menguruskan pelantikan pembantu penyelidik siswazah, pembantu penyelidik, pasca doctoral dan pegawai penyelidik.
- Mengenal pasti dan mendapatkan dana untuk penyelidikan.
- Mengadakan pameran/koleksi penyelidikan.

7.2 Pengurusan Kewangan Geran Penyelidikan

- Menyelaraskan dan menguruskan permohonan kewangan projek penyelidikan.
- Menguruskan dana penyelidikan.
- Memantau prestasi kewangan penyelidikan.
- Menyediakan laporan kewangan penyelidikan.
- Menguruskan proses pembayaran dari vot penyelidikan.
- Menguruskan perbelanjaan dan pembelian peralatan penyelidikan.

7.3 Pemantauan dan Penambahbaikan Penyelidikan

- PPPI memantau kemajuan dan hasil penyelidikan. Pemantauan kemajuan penyelidikan dibuat bagi setiap enam bulan.
- Memberi khidmat nasihat kepada penyelidik tentang perkara yang berkaitan dengan penyelidikan.
- Memberi pengiktirafan kepada penyelidik yang cemerlang.

7.4 Pengurusan Penerbitan Penyelidikan

- Menyediakan laporan tahunan penyelidikan.
- Menyediakan hebatan kepakaran universiti dalam bentuk bahan bercetak dan laman sesawang.
- Menyediakan dana penerbitan penyelidikan.

7.5 Pengurusan Jaringan Penyelidikan dan Prakomersialan

- Mengenal pasti rakan institusi penyelidikan yang berpotensi untuk mengadakan kerjasama penyelidikan dengan pihak universiti.
- Menggerakkan usaha untuk mewujudkan memorandum persefahaman dengan rakan institusi penyelidikan.
- Menjalankan aktiviti prakomersialan.
- Pendaftaran harta intelek.
- Menguruskan penyertaan pameran/pertandingan/persidangan.

7.6 Pengurusan Harta Intelek

- Melaksanakan pemfailan paten harta intelek.
- Menguruskan pemfailan “trademark”.
- Memantau perkembangan produk yang telah dipatenkan.
- Menguruskan asset penyelidikan secara berpusat.

8.0 PENYATAAN DASAR

- 8.1 Semua warga Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan serta penerbitan, layak memohon geran dalaman yang disediakan oleh UPNM.
- 8.2 Setiap penyelidik perlu mematuhi etika penyelidikan dan peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.
- 8.3 Semua penyelidik perlu mendaftar projek penyelidikan (bergeran dan tidak bergeran) dengan PPPI. Penyelidik yang menjadi ahli kumpulan penyelidikan di institusi luar perlu juga mendaftar projek tersebut di PPPI. Ketua Penyelidik tanpa geran dihadkan kepada dua (2) projek sahaja dalam satu-satu masa dan perlu menghantar laporan kemajuan projek setiap enam bulan. Mana-mana projek penyelidikan yang tidak didaftarkan dengan PPPI tidak akan diiktiraf sebagai projek universiti.
- 8.4 Setiap penyelidik boleh menjadi ketua projek untuk seberapa banyak geran mengikut kemampuan dan adalah tertakluk kepada garis panduan geran tersebut. Permohonan baru untuk geran yang sama adalah tertakluk kepada

garis panduan geran tersebut. Setiap penyelidik hanya dibenarkan menjadi satu (1) ketua projek untuk satu (1) jenis geran pada sesuatu masa. Walau bagaimanapun, permohonan baru hanya dibenarkan setelah 75% kemajuan penyelidikan dicapai atau mengikut garis panduan geran berkaitan. Penyelidik perlu mengemukakan permohonan lanjutan tempoh 3 bulan sebelum tamat tempoh geran. Hasil laporan perkembangan penyelidikan hendaklah dilaporkan kepada PPPI setiap 6 bulan atau mengikut garis panduan geran berkaitan.

9.0 PETUNJUK PRESTASI

Petunjuk prestasi adalah seperti berikut

- 9.1 Penerbitan yang berwasit dan tidak berwasit dalam bentuk jurnal, buku (karya asli), bab dalam buku, prosiding dan monograf.
- 9.2 Hak harta intelek dan dokumentasi dalam bentuk paten, sijil hak cipta, reka bentuk industri, dsb.
- 9.3 Kertas kerja yang dibentang di persidangan, seminar dan bengkel di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.
- 9.4 Laporan penyelidikan yang menyumbang kepada penambahbaikan rangka kerja, polisi kerajaan atau strategi pengurusan institusi dan pembangunan negara.
- 9.5 Pengiktirafan yang diterima bagi hasil penyelidikan, kepakaran penyelidik seperti pelantikan sebagai penyunting jurnal, pemeriksa luar, panel pakar dan perunding.
- 9.6 Bilangan geran dan jumlah dana penyelidikan dari sumber awam, swasta dan dari luar negara yang diperolehi.
- 9.7 Bilangan calon pascasiswazah sehingga ke pengijazahan secara penyelidikan.
- 9.8 Produk/idea penyelidikan yang dikomersialkan.
- 9.9 Anugerah dan pengiktirafan hasil produk penyelidikan.

10.0 PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

Dasar ini menjelaskan aspek-aspek berkaitan pengurusan dan pemantauan penyelidikan serta pengurusan kewangan. Dasar ini bertujuan untuk memastikan setiap aktiviti penyelidikan dijalankan secara cekap dan berkesan.

- 10.1 Pengurusan projek penyelidikan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia diuruskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi mengikut garis panduan dan tatacara yang telah ditetapkan.
- 10.2 Ketua projek perlu melaporkan kemajuan projek secara '*milestone*' atau 6 bulan pada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi mengikut format dan jadual pemantauan yang dikeluarkan oleh pemberi dana.

11.0 PENGURUSAN KEWANGAN

Dasar ini menjelaskan aspek-aspek yang berkaitan dengan pengurusan kewangan. Pengurusan kewangan meliputi perkara seperti berikut:

- 11.1 Segala urusan kewangan penyelidikan adalah di bawah bidang kuasa PPPI dan segala dana penyelidikan mestilah disalurkan ke akaun penyelidikan Universiti yang diwujudkan.
- 11.2 Semua harta modal yang dibeli dengan peruntukan penyelidikan adalah menjadi hak milik Universiti dan diurus mengikut peraturan Kerajaan dan Universiti yang berkuat kuasa melalui PPPI.
- 11.3 Penerima geran selain daripada geran dalaman hendaklah menyumbang 5% daripada geran yang diperolehi ke Tabung Amanah PPPI, bagi tujuan pembangunan aktiviti penyelidikan di peringkat ‘akar umbi’ dan pemantapan pengurusan penyelidikan.
- 11.4 Segala permohonan perbelanjaan yang berkaitan penyelidikan selepas tamat tempoh projek penyelidikan adalah tidak dibenarkan kecuali permohonan perbelanjaan bagi tujuan penyediaan laporan akhir, persidangan, penerbitan, pameran, harta intelek (I.P) dan yang seumpamanya tertakluk kepada kelulusan PPPI. Projek akan ditamatkan enam (6) bulan selepas tamat tempoh projek dan tiada lagi permohonan perbelanjaan yang dibenarkan. Penutupan akaun akan dilaksanakan setelah segala proses kewangan telah selesai.
- 11.5 Lebihan dana penyelidikan hendaklah disalurkan ke Tabung Amanah PPPI kecuali mendapat arahan khusus dari pemberi dana. Setelah penutupan akaun, lebihan dana yang tidak dituntut oleh pemberi dana hendaklah dikreditkan ke Tabung Amanah PPPI bagi tujuan pembudayaan dan pengurusan penyelidikan.

12.0 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Dasar ini menjelaskan aspek-aspek berkaitan pengurusan sumber manusia yang meliputi perkara seperti berikut:

- 12.1 Pembantu Penyelidik / Pembantu Penyelidik Siswazah boleh dilantik bagi membantu kerja-kerja penyelidikan berdasarkan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh Universiti dan layak dibayar berdasarkan peraturan kewangan Universiti yang berkuat kuasa atau mengikut garis panduan.
- 12.2 Pascadoktoral boleh dilantik oleh Timbalan / Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) atau wakilnya bagi menjalankan penyelidikan dan menerbitkan hasil penyelidikan mengikut prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- 12.3 Felo Penyelidik boleh dilantik oleh Pendaftar / Fakulti / Pusat dan mendapat kelulusan oleh Timbalan / Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

13.0 ETIKA PENYELIDIKAN

Dasar ini menjelaskan aspek-aspek yang berkaitan dengan kepatuhan kepada etika dalam menjalankan penyelidikan. Ia bertujuan untuk melindungi semua pihak (penyelidik, bahan penyelidikan, kumpulan sasaran dsb.) daripada penyalahgunaan atau eksloitasi

oleh penyelidik atau pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

- 13.1 Setiap penyelidik hendaklah mematuhi segala peraturan dan etika penyelidikan yang telah ditetapkan atau diterimapakai pihak universiti. Ini meliputi:
 - 13.2 Salah laku penyelidik
 - 13.3 Etika Manusia
 - 13.4 Etika Haiwan

14.0 PEMANTAPAN PENYELIDIKAN

Dasar ini menjelaskan aspek-aspek berkaitan kaedah yang boleh digunakan dalam pemantapan penyelidikan. Dasar ini bertujuan untuk memastikan setiap aktiviti penyelidikan dijalankan adalah bermanfaat.

- 14.1 Pihak Universiti menggalakkan penyelidik menjalankan kerjasama dengan pihak luar dari dalam dan luar negara.
- 14.2 Pihak Universiti menyediakan kemudahan untuk menggalakkan penyelidik UPNM menyertai pameran, seminar, kursus dan bengkel di dalam atau luar negara yang membantu dalam memantapkan bidang penyelidikan.
- 14.3 Pihak Universiti menyokong pembangunan infrastruktur penyelidikan dan sumber rujukan di UPNM serta menyediakan sumber manusia yang mencukupi dan terlatih bagi aktiviti penyelidikan. Pihak Universiti menggalakkan sistem "mentor-mentee" dalam penyelidikan di UPNM bagi memberi pendedahan dan dorongan kepada penyelidik muda.

15.0 INSENTIF PENYELIDIK DAN INOVASI

Dasar ini menjelaskan perkara-perkara yang membolehkan seseorang kakitangan akademik diberikan insentif oleh pihak Universiti atas hasil penyelidikan mereka yang diiktiraf bagi mencapai tahap kecemerlangan.

- 15.1 Pihak Universiti memberi kemudahan insentif penerbitan (pembelian penerbitan) kepada penyelidik di UPNM yang bertujuan untuk menggalakkan penyelidik melakukan penyelidikan.
- 15.2 Universiti memberikan insentif khas kepada penyelidik / kumpulan penyelidik yang Berjaya mematenkan sesuatu produk seperti yang telah dipersetujui oleh jawatankuasa.
- 15.3 Penyelidik cemerlang akan diberikan anugerah yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilih Anugerah Inovasi. Universiti akan memberikan insentif khas kepada penyelidik / kumpulan penyelidik yang berjaya memperolehi anugerah dan pengiktirafan cemerlang.

16.0 ASPEK PERUNDINGAN PENYELIDIKA

Dasar ini menjelaskan perkara-perkara berkenaan aspek perundingan penyelidikan. Aspek perundingan meliputi perkara berikut.

- 16.1 Penyelidik perlu memaklumkan Universiti dan mematuhi peraturan-peraturan

perundingan yang ditetapkan atau diterimapakai, sebelum menjalankan kerja perundingan dengan memastikan kerja perundingan tidak mengganggu tugas-tugas lain di Universiti.

- 16.2 Memaklumkan kepada Universiti pendapatan yang diperolehi dari kerja perundingan dan memberikan sebahagian pendapatan kepada universiti mengikut persetujuan atau dasar semasa.
- 16.3 Berusaha mendapatkan kerja perundingan berdasarkan kepakaran sendiri atau kepakaran bersama rakan sejawat.

17.0 PENYELIDIKAN KONTRAK

Dasar ini menjelaskan aspek-aspek berkaitan kepatuhan kepada dasar penyelidikan kontrak dengan pihak luar yang menaja penyelidikan. Dasar ini bertujuan untuk memastikan kepentingan dan tanggungjawab Universiti, penyelidik dan pihak penaja dapat dipenuhi.

- 17.1 Pihak Universiti hendaklah memastikan bahawa tanggungjawab terhadap penyelidikan kontrak ini tidak bercanggah dengan komitmen asas Universiti iaitu untuk mendalami ilmu pengetahuan serta perkongsian pengetahuan.
- 17.2 Penyelidik hendaklah mendapatkan kebenaran lebih awal daripada pihak pengurusan Universiti sebelum memeterai mana-mana kontrak penyelidikan dengan pihak luar.
- 17.3 Pendedahan terhadap penemuan penyelidikan adalah tertakluk kepada kebenaran penaja dan / atau terma-terma perjanjian.
- 17.4 Semua pengurusan / pembiayaan kewangan hendaklah mengikut penyelarasan kontrak penyelidikan biayaan kerajaan dan pekeliling sedia ada.
- 17.5 Jumlah pulangan keuntungan dikongsi bersama pihak Universiti tertakluk kepada perjanjian yang telah dipersetujui atau dasar semasa.

18.0 BIDANG TUJAHAN

Dasar ini menjelaskan bidang tujuan bagi penyelidikan dan pembangunan di UPNM

- 18.1 Keutamaan kepada bidang pertahanan dan keselamatan.
- 18.2 Penemuan ilmu baru berteraskan hasrat dan keutamaan negara.
- 18.3 Peningkatan kualiti hidup rakyat.

19.0 PENYELIDIKAN ANTARABANGSA

Dasar ini menjelaskan aspek-aspek berkaitan kepatuhan kepada dasar penyelidikan pada peringkat antarabangsa. Dasar ini bertujuan untuk memastikan kepentingan dan tanggungjawab Universiti, penyelidik dan pihak penaja dapat dipenuhi.

- 19.1 Mendapatkan kelulusan daripada pihak Universiti sebelum sebarang perjanjian penyelidikan dibuat.
- 19.2 Mestilah tidak berkompromi dengan keselamatan Negara serta menjaga imej

dan kepentingan Negara Malaysia.

- 19.3 Perkongsian agihan pendapatan berdasarkan kepada perjanjian yang dibuat atau dasar semasa.

20.0 PENYELIDIKAN KOLABORASI

Dasar ini menjelaskan aspek-aspek berkaitan kepatuhan kepada dasar penyelidikan kolaborasi dengan organisasi luar. Dasar ini bertujuan untuk memastikan kepentingan dan tanggungjawab Universiti, penyelidik dan pihak penaja dapat dipenuhi.

- 20.1 Mengenal pasti agensi-agensi untuk melakukan kolaborasi penyelidikan terutamanya yang berkaitan dengan pertahanan dan keselamatan.
- 20.2 Mendapat kelulusan daripada pihak Universiti sebelum sebarang perjanjian penyelidikan dibuat.

21.0 PELANGGARAN DASAR

Dasar ini menjelaskan aspek-aspek berkaitan kepatuhan kepada polisi penyelidikan yang ditetapkan oleh UPNM. Dasar ini bertujuan untuk mengelak penyalahgunaan atau eksloitasi oleh penyelidik atau pihak yang tidak bertanggungjawab.

- 21.1 Sebarang pelanggaran dasar oleh penyelidik akan dilaporkan kepada pihak atasan.
- 21.2 Sebarang aduan tentang pelanggaran dasar hendaklah dibuat secara bertulis kepada **Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi**. Seterusnya satu Jawatankuasa Penyiasat boleh dilantik.
- 21.3 Jawatankuasa Etika akan menentukan tindakan yang akan diambil hasil daripada laporan siasatan yang dijalankan.

22.0 KUASA UPNM

UPNM berhak mengkaji semula dan meminda Dasar Penyelidikan dan Inovasi sebagaimana yang dianggapnya sesuai bagi memastikan dasar ini sentiasa relevan dan terkini.

Rekod Kelulusan		
Dasar Baharu		Pindaan 1, Para 11.0
LPU	20 Bil 1/2015 – 27 Februari 2015	28 Bil 4/2016 – 2 Disember 2016
Senat	46 Bil 2/2015 – 31 Mac 2015	61 Bil 10/2016 – 3 November 2016
EXCO	Bil 1/2015 – 14 Januari 2015	-
JKTK	-	Bil 4/2016 - 18 November 2016
JPIU	-	Bil 3/2016 – 7 Jun 2016